



KETUA PENGARAH
DIRECTOR GENERAL

JABATAN PERUMAHAN NEGARA
NATIONAL HOUSING DEPARTMENT

KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN
Ministry Of Housing & Local Government

Aras 36,
No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 Putrajaya

Telefon : 03-8000 8000
Faks : 03-8891 4088

KENYATAAN MEDIA

JABATAN PERUMAHAN NEGARA, KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN TIADA KAITAN DENGAN SURAT “NOTIS KONTRAK SECARA PILIHAN” OLEH SURUHANJAYA PERUMAHAN NEGARA

Putrajaya 11 Januari 2019 - Jabatan Perumahan Negara (JPN), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) ingin memaklumkan bahawa Notis Kontrak Secara Pilihan oleh Suruhanjaya Perumahan Negara adalah **BUKAN** sebuah program mahupun penyelarasan oleh JPN, KPKT. Mengikut siasatan oleh pihak kami, kewujudan organisasi ini dan notis kontrak pembangunan dan pembinaan secara terpilih bagi projek di bawah Suruhanjaya Perumahan Negara (SPN) adalah juga **TIDAK SAHIH**.

Pihak JPN, KPKT juga menafikan mengeluarkan sebarang notis kontrak pembangunan dan pembinaan secara terpilih pelbagai perumahan jenis mampu milik dan pembangunan semula, pembinaan semula serta pemulihan projek-projek terbengkalai dan projek-projek sakit. KPKT ingin menasihati kepada orang awam agar memberi maklumat dan melaporkan kepada KPKT atau Jabatan Perumahan Negara atau kepada pihak polis sekiranya terdapat sebarang notis atau surat tawaran yang berunsurkan penipuan di saluran berikut:

Email: pro@kpkt.gov.my / penguatkuasaJPN@kpkt.gov.my

No telefon: 03- 8000 8000

Laman media sosial:

1. Facebook KPKT : @KPKT Malaysia
Facebook JPN : Jabatan Perumahan Negara(JPN)
2. Twitter KPKT : @kpkt_gov
Twitter JPN: @perumahanJPN

Pihak pemaju perumahan dan kontraktor pembinaan juga boleh menyemak kesahihan sesuatu insentif/skim/program yang diperkenalkan oleh pihak Jabatan dengan melayari portal rasmi Jabatan Perumahan Negara iaitu <http://ehome.kpkt.gov.my> atau sekiranya terdapat sebarang keraguan atau pertanyaan, orang ramai boleh berhubung terus dengan kami.

**Ketua Pengarah
Jabatan Perumahan Negara
Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan
11 Januari 2019**